

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.01/10.12/27 (67)

24 Julai 2026

9 Safar 1448

SURAT PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 5/2026

Semua Staf Akademik

Fakulti Kejuruteraan Mekanikal

Fakulti Pengurusan

Fakulti Alam Bina dan Ukur

PEMAKLUMAN KEKOSONGAN JAWATAN PENTADBIR AKADEMIK UNIVERSITI

Dimaklumkan bahawa terdapat kekosongan bagi jawatan pentadbir akademik di Fakulti, Universiti Teknologi Malaysia seperti berikut:

Fakulti Kejuruteraan Mekanikal

1. Dekan

Fakulti Pengurusan

1. Timbalan Dekan (Penyelidikan, Inovasi dan Pembangunan)
2. Pengurus Akademik Program Luar
3. Pengurus Kualiti Akademik

Fakulti Alam Bina dan Ukur

1. Pengurus Kualiti Akademik

2. Pihak pengurusan Universiti telah menetapkan bahawa proses pemilihan akan dilaksanakan secara terbuka dan kekosongan jawatan haruslah dimaklumkan bagi membolehkan semua staf akademik Universiti yang berminat mengemukakan permohonan.

3. Bagi memastikan kelestarian kepimpinan Pentadbir Akademik, berikut adalah kompetensi kepimpinan yang diperlukan:

- i) **Jaringan dan Kolaborasi Strategik:** Kebolehan membangun, mengekal dan mengukuhkan jaringan dan kolaborasi menang-menang dengan rakan strategik mengikut pelan strategik jangka panjang untuk meningkatkan keterlihatan dan kredibiliti/ pengiktirafan Universiti.
- ii) **Perancangan Strategik:** Kebolehan untuk membangun, melaksanakan dan menilai hasil pelaksanaan pelan jangka panjang mengikut pelan strategik jangka panjang yang ditetapkan bagi merealisasikan visi dan misi Universiti.
- iii) **Menerajui Perubahan:** Kebolehan untuk menjangka, menerima dan memandu perubahan yang berterusan dan kekal relevan bagi mengekalkan daya saing dan kecemerlangan universiti.

- iv) **Pengurusan dan Pembangunan Organisasi:** Kebolehan memahami dan menilai aspek-aspek yang menyumbang kepada kecemerlangan organisasi berasaskan standard sistem pengurusan kualiti bagi meningkatkan daya saing Universiti.
 - v) **Kemahiran Membuat Keputusan:** Kebolehan memahami, merancang, melaksana dan menganalisis kaedah dan pendekatan yang berkesan, tepat dan berkualiti bagi menghasilkan keputusan terbaik untuk mencapai kecemerlangan organisasi.
 - vi) **Integriti:** Menunjukkan kesungguhan mengamalkan nilai-nilai murni dalam semua keadaan termasuk kata-kata, tingkah laku, tindakan dan keputusan yang dibuat berpanduan ketelusan, justifikasi yang jelas, pematuhan peraturan dan etika.
4. Sehubungan dengan itu, staf akademik yang berminat boleh mengemukakan permohonan sebelum **7 Ogos 2026** melalui [pautan ini](#) untuk dipertimbangkan ke jawatan tersebut.
5. Permohonan tersebut hendaklah disertakan dengan lampiran berikut:
- i) Borang Permohonan/Pencalonan Jawatan Pentadbir Akademik yang boleh dimuat turun melalui [pautan ini](#);
 - ii) *Curriculum Vitae* yang lengkap dan terkini;
 - iii) Anugerah dan hadiah yang berprestij di peringkat kebangsaan dan antarabangsa; dan
 - iv) Sumbangan-sumbangan besar dan bermakna bagi pembangunan Fakulti dan Universiti.
6. Semua permohonan untuk dipertimbangkan ke jawatan tersebut, hendaklah dihantar sebelum tarikh tutup.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' DR. MOHD SHARIL BIN ABDULLAH)

Pendaftar

- s.k.
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
 - Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Ketua Kampus UTM Cawangan Kuala Lumpur
 - Ketua Kampus UTM Cawangan Pagoh
 - Pegawai-pegawai Kanan/ Dekan/ Pengarah